

Produk PKS identiti Batu Pahat

Tarikan pelancong ke daerah ini, kerajaan negeri mahu ketengah konsep edu-tourism

BATU PAHAT – Kerajaan negeri bercadang menjadikan 400 kilang di daerah ini sebagai tarikan pelancong dengan mengguna pakai konsep 'edu-tourism'

Kilang terbabit yang terdiri daripada perusahaan kecil sederhana (PKS) merupakan identiti Batu Pahat, yang terkenal dengan pembuatan tekstil, biskut dan makanan ringan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan, Datuk Tee Siew Kiong berkata, pihaknya telah berbincang dengan Pegawai Daerah Batu Pahat untuk menaikkan sektor perindustrian sebagai tarikan utama daerah itu.

Katanya, ianya berseesuaian dengan Pelan Induk



Siew Kiong (tengah) ketika melawat Perigi Batu Pahat yang merupakan salah satu tarikan pelancong ke daerah ini.

Pelancongan Johor di mana setiap daerah di negeri ini mempunyai tarikan pelancong un-

tuk berkunjung.

"Jika kita lihat kebanyakan pelancong yang datang ke dae-

rah ini akan membeli-belah terus dari kilang dan sebab itu kerajaan negeri mahu me-

ngetengahkan konsep 'edu-tourism' yang lebih kepada lawatan sambil belajar.

"Setiap pelancong akan mengetahui cara sesuatu produk dihasilkan seperti kerepek, jamu, tekstil dan sebagainya.

"Selain itu, Batu Pahat juga mempunyai 'factory outlet shopping' yang terletak di Ayer Hitam, di mana pelbagai barangan pengantin dan juga seramik dapat diperoleh di sana," katanya selepas lawatan kerja di Batu Pahat, semalam.

Turut hadir, Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab Wahab Ridwan, Adun Senggarang, Aziz Ismail dan Adun Semerah, Ismail Roslan.

Menurutnya, pihaknya turut bercadang menubuhkan Kelab Pelancongan di Universiti Tun Hussein Onn

Malaysia (UTHM) bagi sebagai mempromosikan sektor pelancongan.

Katanya, selain bertindak sebagai ejen pelancongan kepada negeri ini, mereka juga boleh menambah ilmu pengetahuan di samping berkongsi pandangan.

"Kerajaan negeri juga berharap penubuhan kelab berkenaan dapat dilaksanakan secepat-lewatnya penghujung tahun ini yang dapat melatih beberapa pegawai pelancongan untuk memantapkan kemahiran penuntut UTHM," katanya.

Hebahkan
aktiviti komuniti anda
hubungi Sinar Harian